

# Sallehuddin ketuai rombongan Jelajah Agropreneur Muda

NST 18.11.2019 7

TAMPARULI: Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia (MOA), Datuk Mohd Sallehuddin Hassan telah mengetuai satu rombongan dari MOA dalam siri lawatan Jelajah Agropreneur Muda ke Jongrapevines & Figs Garden di Kampung Bantayan dekat sini pada Ahad.

Beliau diiringi antara lain oleh Pengarah Unit Agropreneur Muda (UAM), Encik Mohammad Ezri Samsuddin dan Pengarah FAMA Negeri, Encik Ribin Wahid. Turut hadir ialah Dekan Fakulti Pertanian UMS, Prof Dr Abdul Hamid Ahmad dan Pengurus Operasi UMS Investment Holdings, Encik Francis Vinvent Ariffin Jnr.

Rombongan MOA itu disambut oleh Penasihat Teknik Jongrapevines, Encik Jontih Enghihon; Pengurus, Puan Nonie Bansunin, dan Penolong Pengurus, Encik Jonovan Jontih.

Penanaman angur dimulakan sebagai hobi di keliling rumah semasa Jontih berkerja di Ipoh, Perak dalam tahun 2011-13. Pada tahun 2014 setelah ditukar balik ke Sabah beliau juga mula menanam fig (buah tin) di keliling rumah selain angur.

Pada 2015 beliau membina Greenhouse yang pertama di kebun beliau di Bantayan, Greehouse ke-2 dalam 2016, Greenhouse ke-3 pada 2017, dan yang ke-4, ke-5 dan ke-6 pada tahun lalu.

Pada 2018 Jon Grapevines & Figs Garden Enterprise didaftar secara rasminya dan sekali gus menyaksikan permulaan Agrotourism yakni kebun itu dibuka kepada pelawat.

